

# Cagamas terbit bon RM1 bilion

**PETALING JAYA:** Cagamas Berhad (Cagamas) mengumumkan terbitan agregatnya sebanyak RM1 bilion yang terdiri daripada RM300 juta Bon Kemampuan ASEAN dua tahun.

Terbitan di bawah program Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) tiga tahun itu membawa nilai keseluruhan RM700 juta.

Menurut perbadanan gadaian janji negara itu, terbitan tersebut akan digunakan untuk membiayai pembelian aset

kemampuan yang layak dan pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, Cagamas berpuas hati dengan transaksi kedua Bon Kemampuan syarikat untuk tahun ini, yang menjadikan jumlah terbitan berkaitan kemampuan sehingga kini kepada RM600 juta.

“Kesimpulan positif terbitan terbabit adalah bukti kukuh

komitmen berterusan oleh Cagamas untuk menyokong penawaran produk yang mampan di pasaran seperti pinjaman perumahan mampu milik.

“Perjanjian itu dinilai dalam keadaan pasaran yang mencabar melalui ‘*public book building exercise*’ yang berjaya menarik penyertaan daripada pelbagai pelabur yang terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans, pengurusan aset dan badan berkanun,” kata beliau dalam kenyataan

semalam.

Menurut beliau, permintaan terhadap kertas kerja syarikat amat memberangsangkan, mengakibatkan pengetatan Bon Kemampuan dua tahun daripada panduan harga awal 2.57 peratus kepada 2.52 peratus manakala CMTN selama tiga tahun itu telah dinaikkan daripada RM500 juta kepada RM700 juta.

Beliau berkata, kedua-dua terbitan itu mencatatkan jurang kompetitif sebanyak 40 hingga

43 mata asas terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS).

Urus niaga tersebut adalah langkah terbitan ke-25 bagi 2021 dan menjadikan jumlah terbitan setakat tahun ini berjumlah RM13.25 bilion.

Nota-nota berkenaan yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang kelak, adalah obligasi tidak bercagar syarikat dan akan disenaraikan serta didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip.